

Program Jelajah Agrikomoditi akan diteruskan untuk beri maklumat Akta 446 - KPPK



KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

23/01/2022 04:06 PM

MUAR, 23 Jan – Program Jelajah Agrikomoditi oleh Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) akan diteruskan dari masa ke semasa dalam usaha untuk memberikan penerangan kepada pemain dan pengusaha industri sektor yang berkaitan berhubung dengan Akta Standard Minimum Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446).

KPPK dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini berkata jelajah itu turut melibatkan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Imigresen, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Melalui siri jelajah yang bermula tahun lepas itu, kementerian berkenaan mendapati sektor perkayuan merupakan penyumbang ketiga utama bagi agrikomoditi manakala industri perabot merupakan penyumbang utama eksport negara bagi sektor berkenaan.

"Di peringkat global pula, pengeksportan perabot negara adalah yang ke-12 terbesar serta negara diiktiraf pengeluar perabot kayu berkualiti tinggi dan sebab itulah kita perlu terus menjaga kualiti dari pelbagai aspek termasuklah tenaga kerja, terutamanya di sektor ini (perkayuan).

"Antara yang dilakukan semasa siri jelajah ini adalah penerangan Akta 446 yang telah diperkemas selain penggunaan Pas Lawatan Kerja Sementara atas talian (e-PLKS), di mana para majikan boleh melakukan pendaftaran dan semakan pekerja dengan lebih mudah," kata kementerian itu.

Terdahulu, majlis Program Jelajah Agrikomoditi Keluarga Malaysia 2022, yang diadakan di Muar telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha KPPK Mad Zaidi Mohd Karli dan turut dihadiri Presiden Persatuan Perabot Muar Steve Ong Yeou Huan.

— BERNAMA